

PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT ASNAF RIQAB BERDASARKAN REALITI SEMASA

Mohd Rilizam Bin Rosli¹, Hussin Bin Salamon² & Azman Bin Ab Rahman³

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
rilizam@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji kaedah pengurusan yang sewajarnya dilaksanakan terhadap asnaf zakat riqab. Sebahagian besar Institusi Zakat di negara ini tidak mengagihkan zakat terhadap asnaf riqab atas alasan golongan hamba sudah tidak wujud lagi pada masa ini. Namun data-data yang diperolehi melalui kajian ini menunjukkan bahawa terdapat ulama mutaakhirin yang telah meluaskan definisi riqab berdasarkan kriteria-kriteria yang digariskan oleh ulama mutaaddimin. Kajian ini juga dijalankan berdasarkan metode kualitatif di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah bagi melihat sejauh mana wujudnya golongan yang mempunyai kriteria hamba sebagaimana yang ditunjukkan oleh para fuqaha. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa golongan yang boleh dikategorikan sebagai asnaf hamba seperti mangsa keganasan rumah tangga, mangsa penderaan dan pengabaian kanak-kanak, kanak-kanak terlibat jenayah dan mangsa pengabaian dikalangan warga emas. Justeru itu, dana zakat yang dikutip daripada para pembayar zakat sewajarnya digunakan bagi membantu golongan ini di bawah peruntukan asnaf riqab keluar daripada belunggu yang sedang mereka hadapi.

Kata Kunci : Agihan Zakat, Ar-Riqab, Kriteria, Bentuk Bantuan.

1.0 Pendahuluan

Asnaf- asnaf zakat telah di jelaskan oleh Allah S.W.T menerusi firmaNya di dalam surah al-Taubah ayat yang ke 60. Ayat ini menjelaskan golongan asnaf zakat yang lapan iaitu asnaf fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharim, fi sabilillah dan ibnu sabil. Berpandukan ayat ini, terdapat pelbagai tafsiran para fuqaha terhadap kaedah pengagihan zakat. Namun secara umumnya mereka berhujah dan mentafsirkan kaedah tersebut melalui empat cara. Pertama, mentafsirkan ayat berdasarkan pemahaman secara *lughawi* (bahasa) dan sokongan daripada hadis-hadis nabi yang berkaitan. Kedua, mentafsirkan berpandukan perbezaan pendapat para ulama. Ketiga, mentafsirkan ayat berdasarkan kriteria *masalah* yang selari dengan *maqasid syariah*. Keempat, mentafsirkan ayat berpandukan falsafah zakat (Nurul Ilyana, 2015)

Pelbagai tafsiran dan bentuk pengagihan yang telah di perluaskan bagi asnaf-asnaf zakat seperti fi sabilillah dan ibn sabil. Namun perkara ini tidak berlaku kepada asnaf riqab. Sebahagian besar Institusi Zakat telah mentafsirkan asnaf riqab hanya melalui pemahaman secara lughawi (bahasa) iaitu hamba *mukatab* yang menebus dirinya daripada tuannya. Ini terbukti apabila hanya tiga buah negeri sahaja yang memperluaskan tafsiran asnaf riqab dan seterusnya mengagihkannya (Azman Ab Rahman, 2014). Timbul persoalan tentang apakah kedudukan dana zakat asnaf riqab ini berbanding dengan asnaf-asnaf zakat yang lain. Disamping itu, terdapat juga isu yang sering menjadi

¹ Pelajar Pascasarjana (Ph.D), Fakulti Tamadun Islam , Universiti Teknologi Malaysia, email; rilizam@gmail.com

² Prof. Madya (Ph.D), Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, email; drhussin@utm.my

³ Prof Madya (Ph.D), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, email; azman@usim.edu.my

persoalan tentang adakah golongan hamba ini sudah benar-benar tidak wujud lagi pada hari ini atau perlu kepada penafsiran semula bersesuaian dengan realiti semasa kehidupan pada masa ini.

Justeru itu, kajian ini perlu dijalankan bagi merungkai persoalan-persoalan ini dan seterusnya menentukan mekanisma pengurusan yang sesuai dijalankan terhadap golongan asnaf riqab ini berdasarkan realiti semasa.

2.0 Kajian Literatur

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa sebahagian ulama seperti Syeikh Zainuddin ibn Abd Aziz Al-Malibari telah mendefinisikan *al-riqab* sebagai hamba sahaya yang telah mempunyai perjanjian bertulis yang sah dengan pemiliknya bagi menjelaskan sejumlah wang sebagai suatu tebusan terhadap dirinya untuk merdeka dari tuannya. Namun seandainya jumlah bayaran yang sepatutnya ditunaikan masih tidak boleh dibayar maka hamba tersebut masih tetap dikira sebagai milik kepada tuannya (al-Malibari,1987). Pandangan ini telah diamalkan oleh para sahabat dan juga para tabiin. Antara para sahabat yang berpegang kepada pendapat ini ialah seperti Abu Musa al Ash'ari dan Ali bin Abi Tolib. Manakala dari kalangan tabiin ialah seperti Ibrahim al-Nakha'i, Sa'id bin Jubayr, al- Zuhri, al-Layth bin Saad, Muhammad bin Sirin, al-Thawri, Umar Abd al-Aziz dan Ali Musa al-Qummi (al- Nawawi,1983). Berdasarkan dalil firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

“ dan hamba-hamba yang kamu miliki yang menginginkan perjanjian, maka hendaklah kamu membuat perjanjian dengan mereka, jika kamu mengetahui ada kebaikan pada mereka. Dan berikanlah kepada mereka sebahagian dari harta Allah yang dikurnikan-Nya kepada mu”

(Al-Nur,24:33)

Para ulama mutaakhirin telah menggunakan kaedah al-qiyas yang terdapat di dalam ilmu usul fiqh bagi menetapkan hukum yang berkaitan pengagihan zakat asnaf riqab (Abd Wahab Khalaf, 2009). Ini adalah kerana hamba mukatib yang telah ditakrifkan oleh para fuqaha' terdahulu sudah tidak wujud lagi di zaman ini. Namun ciri-ciri perhambaan sebagaimana yang ada pada diri hamba mukatib itu tetap masih ada sehingga kehari ini. Sepertimana yang dijelaskan oleh Yusuf al-Qardhawi (2010) di dalam kitabnya *Fiqhu Zakat* bahawa riqab adalah merangkumi pembebasan terhadap segala bentuk perhambaan secara individu mahupun bangsa. Malahan beliau telah meluaskan lagi skop asnaf riqab kepada tawanan perang yang memerlukan sejumlah dana untuk dibebaskan berdasarkan *i'llah* kelayakan menerima zakat bagi riqab adalah perhambaan.

Syeikh Mahmud Syaltut (2004) di dalam kitab *al-Fatawa (Dirasah Li Musykilatil Muslim al-Muasir Fi Hayatihi al-Yaumiyyah al-Ammah)* menjelaskan bahawa perhambaan dalam bentuk semasa pada hari ini adalah perhambaan terhadap nilai-nilai kemanusiaan. Perhambaan ke atas umat Islam pada masa kini adalah berbentuk penjajahan terhadap pemikiran, harta, kuasa dan kebebasan mereka. Pandangan ini turut disokong oleh Aliuddin Za'tari (2010) di dalam kertas kerjanya di bawah tajuk “ *Tatbiqat Mu'asarah Fi Masarif Al- Zakat* “. Beliau menyatakan bahawa definisi asnaf zakat riqab perlu diperluaskan agar dapat dipraktikkan pengagihannya pada masa kini. Maksud riqab yang sesuai ketika ini adalah pembebasan sebuah bangsa dari belenggu penjajahan samaada dari sudut harta, pemikiran, kerajaan, dan kebebasan hidup di negara sendiri. Dana zakat perlu digerakkan bagi membasmi segala bentuk penganiyaan terhadap umat Islam secara keseluruhannya (Izatul Akmar Ismail & Muhammad Nasri Hussain, 2017).

Selanjutnya, jika diperhatikan pandangan yang dikemukakan Muhammad Rashid Ridha (1990) di dalam Tafsir al-Manar ketika mana membahaskan bab riqab ini, beliau mengakui bahawa maksud riqab samaada hamba mukatab atau hamba sahaya sememangnya sudah tidak wujud lagi

dizaman ini. Namun penjajahan keatas sebuah bangsa mahupun negara merupakan salah satu bentuk perhambaan yang masih ada sehingga kini. Berbeza sedikit pendapat yang dikemukakan Ali Muhiy al-Din al-Qurrah Daghi (1992) di dalam kitab karangannya *Nazarat Mutassilah Fi Masrifi al-Riqab*. Dimana mangsa penculikan (*ikhhtitof*) sewajarnya dibebaskan melalui peruntukan asnaf riqab ini. Kewajaran ini adalah bersandarkan kepada alasan bahawa penculikan merupakan salah satu bentuk tawanan yang menyebabkan mangsa telah terbelenggu atas perbuatan tersebut. Pendapat ini seterusnya disokong oleh al-Uthaimin (2015), selain daripada golongan hamba dan orang yang ditawan, orang Islam yang diculik juga layak untuk menerima bantuan zakat melalui asnaf riqab ini terutamanya apabila si penculik tidak mahu membebaskan mangsa kecuali setelah ditebus menggunakan sejumlah wang.

Oleh yang demikian, penyelidik berpandangan bahawa ijtihad-ijtihad serta pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh para ulama mutaakhirin ini perlu diambil perhatian terutamanya kepada institusi pengurusan zakat di negara ini yang sebahagian besar daripadanya masih lagi mengekalkan takrifan asna riqab hanya kepada hamba. Ini bagi memastikan dana zakat dapat dimanfaatkan sepenuhnya sehingga dapat menjamin kemaslahatan umat Islam secara keseluruhannya.

3.0 Metodologi Kajian

Melalui kajian perpustakaan, penyelidik merujuk terlebih dahulu bahan-bahan bercetak utama seperti kitab-kitab turath (karya sarjana Islam masa lampau), buku-buku semasa, jurnal dan kertas kerja yang berkaitan perbahasan asnaf riqab bagi mendapatkan penjelasan dan penghuraian para ilmuan berkaitan dengannya. Kajian tertumpu kepada karya-karya sarjana Islam terdahulu dan semasa terutamanya dalam disiplin ilmu usul al-fiqh, fiqh al-Islamiy dan tafsir al-Quran. Analisa perbandingan dilakukan bagi melihat persamaan dan perbezaan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh para ilmuan terdahulu dengan pandangan ilmuan semasa berkaitan asnaf riqab.

Selanjutnya, penyelidik melaksanakan kajian lapangan melalui kaedah kualitatif bagi memahami dan meneliti bentuk-bentuk baru perhambaan yang bersesuaian dengan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh para ulama'. Menurut Creswell dan Clark (2007), penyelidikan kualitatif digunakan untuk memahami suatu fenomena yang dikaji terhadap individu mahupun masyarakat bagi melihat unsur-unsur kemanusiaan seperti emosi, motivasi dan empati. Chu Yan Piaw (2014) juga menyokong kenyataan ini kerana menurut beliau angka-angka dalam data kuantitatif tidak mencakupi untuk menghuraikan unsur-unsur tersebut.

Pengumpulan data primer kajian adalah menggunakan kaedah temubual separa berstruktur bersama set transkrip temubual. Temubual ini berfokus kepada responden yang terdiri daripada Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Baharu dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Muar. Kesemua responden mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perkhidmatan sosial. Melalui kaedah temubual terus kepada responden, maklumat yang bakal diterima adalah lebih telus dan kemungkinan untuk berlaku salah tanggap terhadap persoalan kajian dapat dikurangkan (Chua, 2006).

4.0 Hasil Kajian

4.1 Analisis Golongan Asnaf Riqab

Hasil kajian mendapati terdapat beberapa kes yang kerap dirujuk di Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh dikategorikan sebagai asnaf zakat riqab sebagaimana yang telah digariskan oleh para ulama' mutaakhirin. Kriteria-kriteria asnaf riqab yang telah diperincikan oleh para sarjana seperti belenggu pemikiran, belenggu kekuasaan, belenggu harta dan belenggu kebebasan ada kepada kes-kes yang dirujuk di jabatan ini. Di antara golongan yang jelas mempunyai kriteria-kriteria tersebut adalah mangsa keganasan rumahtangga, mangsa penderaan kanak-kanak, kanak-kanak terlibat jenayah dan mangsa pengabaian di kalangan warga emas.

4.2 Mangsa Keganasan Rumah Tangga

Menurut Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), keganasan rumah tangga merujuk kepada sebarang kelakuan yang menyebabkan mangsa takut dcederakan, sebarang kelakuan yang menyebabkan kecederaan pada fizikal mangsa, sebarang ancaman untuk melakukan perbuatan berbentuk seksual dan sebarang kelakuan yang menyebabkan kecederaan emosi. Laporan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 4,123 kes keganasan rumah tangga dicatatkan pada tahun 2013, dimana 3055 kes (74.1%) adalah membabitkan mangsa wanita. Laporan tersebut juga menjelaskan, berlaku peningkatan sebanyak 30.5% pada tahun berikutnya iaitu 2014. Sebanyak 4807 kes telah dicatatkan dimana 3545 (73.7%) daripadanya adalah melibatkan wanita. Manakala pada tahun 2015, sebanyak 3233 kes telah direkod setakat ogos 2015 dan 2,528 kes (75.6%) daripadanya adalah melibatkan wanita (Sinar Harian, 1 Oktober 2015) Ini bermaksud , secara asasnya kes keganasan rumah tangga berlaku hampir setiap hari di seluruh negara ini.

Kajian mendapati bahawa di antara faktor utama yang menyumbang kepada berlakunya permasalahan ini adalah pengambilan dadah dan alkohol oleh pasangan. Pengambilan alkohol dalam jumlah yang banyak dan tidak terkawal mempunyai kecenderungan untuk menjadi lebih agresif dan seterusnya mencederakan pasangan. Selain itu, sikap panas baran suami yang sukar mengawal kemarahan juga dilihat sebagai faktor berlakunya masalah ini. Begitu juga dengan sikap cemburu buta yang sering cuba untuk mengawal kehidupan pasangan dan sering menyimpan prasangka apabila melihat pasangannya bergaul dan bercakap-cakap dengan orang lain di tempat kerja. Perkara ini jika tidak dibendung akan menimbulkan tekanan perasaan dan krisis kepada pasangan yang akhirnya membawa kepada penderaan fizikal dan seumpamanya.

Jadual 1 : Statistik Mangsa Keganasan Rumahtangga di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor bagi tempoh 2014-2016

Bentuk Penganiyaan	Tahun 2014	Tahun 2015	Tahun 2016	Jumlah
Mangsa Keganasan Rumahtangga	72	70	65	207

Jadual 1 diatas menunjukkan bilangan mangsa keganasan rumah tangga yang direkodkan bagi tahun 2014 hingga 2016. Jumlah keseluruhan mangsa bagi ketiga-tiga tahun tersebut adalah pada kadar 207 mangsa. Responden memaklumkan bahawa statistik ini hanyalah kes-kes yang telah dibawa di Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja, namun hakikatnya banyak lagi kes keganasan rumah tangga yang tidak dilaporkan dan terus disembunyikan atas alasan malu untuk diketahui umum dan sebagainya.

4.4 Mangsa Penderaan Kanak-kanak

Penderaan dan pengabaian kanak-kanak ditakrifkan sebagai kanak-kanak yang tercedera secara fizikal dengan kecederaan yang nyata dan ketara pada mana-mana bahagian tubuh akibat penggunaan kekasaran atau penggunaan alat dengan cara yang disengajakan yang mengakibatkan kecederaan fizikal (Seksyen 17(2)(b) Akta Kanak-Kanak 2001). Statistik yang di rekodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor dari tahun 2014 sehingga tahun 2016 sebagaimana yang di paparkan dalam jadual 2 menunjukkan ramai kanak-kanak telah menjadi mangsa penderaan . Pada tahun 2014 jumlah keseluruhan mangsa adalah berada pada jumlah 38 orang. Namun pada tahun berikutnya iaitu 2015, berlaku peningkatan sebanyak 18% daripada jumlah tahun sebelumnya menjadikan 45 orang. Angka ini berkurang sedikit pada tahun 2016 iaitu pengurangan pada kadar 12% yang memperlihatkan jumlah keseluruhan 123 orang mangsa.

Jadual 2 : Statistik Mangsa Penderaan Kanak-Kanak di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor Bagi Tempoh 2014-2016

Bil	Tahun	Mangsa Penderaan Kanak-Kanak
1	2014	38
2	2015	45
3	2016	40
Jumlah		123

Tekanan hidup yang ditanggung oleh ibubapa penjaga didapati melalui kajian ini merupakan di antara penyumbang utama berlakunya penderaan kanak-kanak. Bebanan yang terpaksa dipikul oleh seorang ibu tunggal yang menguruskan kehidupan keluarga sebagai contohnya telah menyebabkan ia bertindak kadang kala diluar kawalan diri bagi menghilangkan tekanan dan bebanan yang dirasainya. Di samping itu, kurang pengetahuan dan kefahaman agama juga didapati juga merupakan faktor dalaman yang mempengaruhi seseorang mendera anak-anak mereka. Mereka hanya mengaku sebagai seorang yang beragama Islam namun tidak mengamalkan sepenuhnya cara hidup Islam yang sebenarnya dengan melepaskan geram kepada anak dengan cara yang tidak sewajarnya.

Secara asasnya terdapat tiga bentuk kesan yang kerap berlaku hasil daripada jenayah ini iaitu persepsi psikologi, persekitaran keluarga dan juga masalah sosial. Penderaan kanak-kanak seringkali membawa kepada ketegangan hubungan diantara pendera dan mangsa yang akhirnya menimbulkan dendam yang sukar dibendung dikemudian hari. Perbuatan ini akan memberikan impak yang besar kepada sesebuah keluarga, terutamanya melibatkan kematian mahupun kecacatan yang kekal.

4.5 Kanak- Kanak Terlibat Jenayah

Menurut seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak ditakrifkan sebagai seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun. Had umur ini adalah bertepatan dengan Artikel 1 Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-Kanak (Sarirah & Mumtaj, 2004). Di Malaysia, kanak-kanak juga terlibat dengan pelbagai kesalahan jenayah termasuk kesalahan jenayah berat seperti bunuh dan juga mengedar dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 berdasarkan kes-kes yang pernah diputuskan oleh mahkamah. Begitu juga dengan peruntukan seksyen 82 dan 83 Kanun Keseksaan yang menyatakan bahwa kanak-kanak berumur lebih daripada dua belas tahun tetapi di bawah lapan belas tahun boleh dikenakan tanggungan jenayah sekiranya disabitkan

kesalahan mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Akta Kanak-Kanak (Shamsiah Abd Rahman, 2004).

Jadual 3 : Statistik Kanak- Kanak Terlibat Jenayah di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor Bagi Tempoh 2014-2016

Bil	Tahun	Kanak-Kanak Terlibat Jenayah
1	2014	210
2	2015	215
3	2016	220
Jumlah		645

Jadual 3 di atas menunjukkan satatistik kanak-kanak terlibat jenayah yang amat membimbangkan. Jumlah kes yang banyak ini memperlihatkan bahawa negara sedang berhadapan dengan suatu krisis sosial yang amat merisaukan masa hadapan negara. Sesuatu langkah yang drastik dan lebih menyeluruh perlu di gerakkan bagi membendung permasalahan ini. Penggunaan dana zakat melalui asnaf riqab dilihat sebagai salah satu daripada mekanisme yang boleh dilakukan bagi mengatasi permasalahan kanak-kanak terlibat jenayah yang kian meningkat saban hari. Jumlah kanak-kanak- terlibat jenayah di Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini sahaja sudah menjangkau 645 orang.

Faktor kurang pengawalan daripada pihak ibubapa penjaga dan kejahilan agama dikenalpasti menjadi punca berlakunya peningkatan kadar jenayah dikalangan kanak-kanak kebelakangan ini. Keadaan seumpama ini menyebabkan kanka-kanak ini merasakan diri mereka tidak mendapat perhatian sewajarnya daripada ibubapa penjaga mereka. Di kalangan mereka ada yang beranggapan bahawa perbuatan bersekedudukan sebagai contohnya adalah merupakan perkara yang biasa dan lumrah di dalam kehidupan masyarakat. Lebih menghairankan lagi apabila terdapat ibubapa penjaga yang turut sama melindungi dan menyembunyikan perbuatan terkutuk anak-anak mereka ini. Sedangkan pada asasnya, merekalah yang sewajarnya memberikan didikan dan teguran terhadap batas-batas pergaulan sebagaimana yang telah digariskan oleh agama.

Diantara kesalahan-kesalahan yang kerap dilaporkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat yang membabitkan kanak-kanak dan remaja adalah kesalahan mengandung tanpa nikah. Impak dan kesan terhadap remaja yang hamil tanpa nikah ini amat berat untuk ditanggung oleh mereka. Kebanyakan kes remaja hamil tanpa nikah ini tidak diterima oleh ibubapa dan penjaga mereka. Mereka seolah-olah tidak dapat menerima hakikat bahawa anak mereka telah hamil tanpa bernikah. Akibatnya mereka kembali kepada pasangan mereka akibat sudah tidak ada tempat berlindung. Disebabkan perkara ini, terdapat remaja hamil tanpa nikah yang mengulangi perbuatan mereka sehingga ada yang telah mengadung lebih daripada sekali. Sebahagian besar daripada mereka tidak mempunyai sebarang perancangan dari sudut penjagaan bayi, pernikahan dengan pasangan secara sah dan juga hala tuju mereka setelah melalui detik hitam dalam kehidupan mereka ini. Lantaran itu mereka sering menyerahkan anak tak sah taraf ini kepada keluarga angkat dan sebagainya bagi memelihara anak tersebut.

4.6 Mangsa Pengabaian Dikalangan Warga Emas

Dapatan kajian menunjukkan bahawa jumlah mangsa pengabaian dikalangan warga emas yang terkumpul di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor semenjak tahun 2014 sehingga tahun 2016 adalah seramai 198 orang sebagaimana yang tercatat di dalam jadual 4. Peningkatan mangsa pengabaian dikalangan warga emas saban tahun amat mengejutkan walaupun satatistik

mengenainya kurang dibicarakan di kalangan masyarakat. Namun hakikat yang perlu diketahui, perangkaan jumlah warga emas yang ditinggalkan kian meningkat atas pelbagai alasan yang diberikan.

Jadual 4 : Statistik Mangsa Pengabaian Dikalangan Warga Emas Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor Bagi Tempoh 2014-2016

Bil	Tahun	Mangsa Pengabaian Dikalangan Warga Emas
1	2014	55
2	2015	45
3	2016	98
Jumlah		198

Alasan-alasan yang sering dilontarkan kepada pegawai-pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi melepaskan tanggungjawab menjaga waris mereka adalah tidak munasabah. Sedangkan tanggungjawab tersebut terletak pada bahu mereka selaku waris yang sepatutnya menjaga mereka terutama pada waktu mereka di dalam sakit dan dipenghujung usia ini. Ada di antara waris yang memberikan nombor telefon untuk dihubungi dan alamat rumah yang palsu bagi tujuan untuk mengelakan diri daripada dikesan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Faktor konflik keluarga turut menjadi sebab permasalahan ini berlaku. Mungkin sejarah diri anak-anak yang pernah dibiarkan oleh mereka sewaktu ketika dahulu menyebabkan mereka mengulangi perkara yang sama. Selain itu, faktor pendidikan agama dilihat sekali lagi menjadi punca kepada masalah ini. Mereka tidak didik dengan sebaiknya melalui pendidikan agama dan kaedah yang sepatutnya dalam menghormati dan menghargai ibu dan bapa. Begitu juga dengan perkara-perkara asas di dalam agama seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya.

Sebahagian besar daripada mangsa pengabaian warga emas akan dirujuk kepada pusat-pusat perlindungan dan jagaan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti di Rumah Sri Kenangan. Proses ini kebiasaannya dilaksanakan apabila usaha pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat gagal menjejaki waris-waris mangsa tersebut. Namun permasalahan yang timbul adalah apabila pusat-pusat jagaan warga emas seperti Rumah Sri Kenangan tersebut tidak mampu menampung jumlah penghuninya yang kian bertambah saban tahun. Begitu juga masalah yang timbul kepada pesakit-pesakit terdampar yang belum menjangkau umur warga emas, mereka tidak di benarkan menghuni pusat jagaan warga emas ini atas faktor umur yang belum mencukupi.

5.0 Cadangan dan Implikasi Dasar

Golongan mereka yang mempunyai kriteria- kriteria asnaf riqab sebagaimana yang telah digariskan oleh para fuqaha tetap masih ada sehingga ke hari ini. Ini terbukti apabila hasil kajian di Jabatan Kebajikan Masyarakat ini menunjukkan bahawa belunggu pemikiran, harta benda, kekuasaan dan kebebasan ada pada kes-kes yang di rujuk di jabatan ini seperti mangsa keganasan rumah tangga, mangsa penderaan kanak-kanak, jenayah dikalangan kanak-kanak dan pengabaian warga emas. Dapatan keseluruhan kajian daripada responden-responden yang ditemubual juga menunjukkan bahawa golongan kanak-kanak terlibat jenayah merekodkan jumlah teramai dan tertinggi berbanding golongan yang lain dengan jumlah sebanyak 645 kes. Satu fakta angka yang sangat membimbangkan jika dibiarkan berterusan tanpa apa-apa gerakkan yang proaktif bagi membendungnya. Di sini peranan zakat perlu digembelungkan dan diaktifkan segera dengan mengguna pakai asnaf ar-riqab yang telah sedia ada termaktub di dalam al-Quran. Diikuti dengan mangsa keganasan rumahtangga yang direkodkan berjumlah 207 kes sepanjang tempoh tiga tahun

kebelakangan ini. Ditempat ketiga ialah pengabaian warga emas dengan jumlah kes sebanyak 198 orang.. Manakala dikedudukan yang terakhir adalah golongan mangsa penderaan kanak-kanak dengan jumlah yang dicatat sebanyak 123 kes.

Prosedur asas yang dilakukan terhadap mangsa-mangsa ini adalah memberi bimbingan kaunseling dan sekiranya perlukan perlindungan maka mereka ini akan di tempatkan di pusat-pusat perlindungan dibawah selian Jabatan Kebajikan Masyarakat. Namun maklumat yang diterima dari responden adalah membimbangkan apabila pusat-pusat perlindungan yang sedia ada tidak mampu menampung jumlah mangsa-mangsa ini yang kian bertambah dari masa ke semasa. Sebahagian daripada mereka terpaksa kembali semula ke tempat asal mereka disebabkan masalah kekurangan pusat perlindungan. Akibatnya mereka akan kembali terdedah kepada risiko-risiko yang mereka hadapi sebelum ini. Maka tidak hairanlah sekiranya mereka kembali semula melakukan aktiviti-aktiviti tidak bermoral seperti bersekedudukan bagi kes kanak-kanak terlibat jenayah sebagai contohnya. Bagi masalah mangsa keganasan rumahtangga juga amat berisiko sekiranya mereka kembali pulang kerumah mereka. Tahap kebimbangan dan kewaspadaan mangsa terhadap keselamatan diri sendiri sukar dikawal. Lebih-lebih lagi sekerinya pemangsa yang melakukan jenayah tersebut masih bebas dan belum ditangkap mahupun didakwa oleh pihak berkuasa.

Kesemua responden amat bersetuju sekiranya pihak pengurusan zakat khususnya dapat memainkan peranan yang sama dalam mengatasi permasalahan kekurangan pusat-pusat perlindungan ini. Dengan adanya pusat perlindungan ini, kemelut yang sedang di hadapi bagi menempatkan mangsa-mangsa ini dapat ditangani. Pusat perlindungan ini berperanan sebagai suatu pusat yang memberikan perlindungan dalam suatu tempoh tertentu bagi memulihkan semangat dan motivasi sendiri para mangsa. Pendidikan dan pembelajaran agama dapat disempurnakan di pusat perlindungan sebagai bekalan selepas mereka keluar dari pusat ini. Selain daripada pengetahuan di dalam bidang agama, pusat perlindungan juga boleh memberikan ilmu berkaitan kemahiran-kemahiran seperti kemahiran menjahit, memasak, kemahiran dalam bertani dan seumpunya agar pelatih-pelatih dapat berdikari dan bekerja sejurus mereka keluar dari pusat perlindungan ini.

Dapatan kajian juga telah mengenalpasti beberapa model yang boleh dijadikan sebagai suatu asas dalam usaha menggerakkan dan mewujudkan pusat-pusat perlindungan ini. Sebagai contohnya ialah usaha yang telah di jalankan oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor dalam mewujudkan pusat perlindungan. Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan yang terletak di Jalan Raja Chulan, Sabak Bernam. Sebahagian besar penghuni pusat ini adalah di bawah perintah mana-mana mahkamah syariah samaada telah disabitkan kesalahan bahagian 2 dan 4 di dalam Enakmen Jenayah Syariah Selangor no 9 tahun 1995 atau di bawah seksyen 54(2) enakmen yang sama iaitu wajib mengikuti pemulihan atas kesalahan yang dilakukan dan perlu direman terlebih dahulu sementara menunggu tarikh perbicaraan. Pusat perlindungan ini turut menerima kemasukan secara sukarela bagi mengikuti pemulihan dan perlindungan daripada terus terjerumus kepada aktiviti-aktiviti gejala sosial.

Modul pemulihan yang di gunakan di pusat perlindungan ini merupakan modul khusus yang telah dibina oleh Bahagian Pemulihan Ar Riqab Majlis Agama Islam Negeri Selangor. Modul tersebut telah dilancarkan secara rasminya pada 8 Mei 2017 dan diberi nama khusus sebagai modul "Istitabah". Modul ini dimulakan dengan proses saringan di peringkat awal terlebih dahulu iaitu saringan klinikal, saringan kerohanian Islam dan pengukuran tahap riddah. Ia turut dilengkapi dengan beberapa khidmat sokongan pasca pemulihan bagi memastikan pelatih yang menjalani pemulihan melalui modul ini benar-benar telah bebas daripada belenggu yang mereka hadapi. Penyelidik menyarankan agar modul seumpama ini perlu diusahakan diperingkat permulaan penubuhan pusat pemulihan lagi agar ia dapat memastikan agihan zakat terhadap asnaf riqab mencapai matlamat sebagaimana yang digariskan oleh maqasid syariah.

5.0 Kesimpulan

Kajian ini berjaya menemukan satu penyelesaian kepada kebuntuan yang dihadapi oleh pihak pengurusan zakat dalam mengagihkan zakat bagi asnaf riqab. Pertamanya adalah cadangan golongan yang boleh dikategorikan sebagai asnaf riqab berdasarkan kriteria- kriteria yang telah di para fuqaha seperti mangsa penganiyaan kanak-kanak, mangsa keganasan rumahtangga, kanak-kanak terlibat dengan jenayah dan pesakit terdampar yang tidak dituntut oleh ahli waris. Keduanya adalah cadangan bentuk bantuan yang sewajarnya disalurkan kepada golongan yang telah dikenalpasti layak dikategorikan di bawah asnaf riqab ini. Kejayaan golongan ini keluar daripada belunggu yang mereka hadapi akan memberikan impak yang besar kepada kesejahteraan masyarakat di negara ini khususnya yang membabitkan umat Islam kerana ini sangat terkait dengan imej agama Islam yang kian di pandang serong di mata dunia saban hari.

Rujukan

- Abd Wahhab Khallaf (1995). *Ilmu Usul Fiqh*. Mesir: Maktabah Dakwah Islamiyyah Syabab Al- Azhar
- Al-Malibari, Al- Allamah Zaynuddin bin Abdul 'Aziz al-Malibari Al- Fanani (1987). *Fath Al-Mu'in lil Syarakh Qurrah Al-Uyun*. Kelantan : Majlis Agama Islam Kelantan.
- Al-Qaradhawi, Yusuf (2010). *Fiqh al-Zakat, Dirasah muqarannah li ahkamiha wa falsafatiha fi dau' al-Quran wa al- Sunnah*. Tejemahan Salman Harun. Jakarta : Litera Antarnusa.
- Al-Qurrah Daghi, Ali Muhyi al- Din (1992). *Nazarat Mutassilah Fi Masraf al-Riqab*. Amman : Muassasah al-Risalah.
- Al-Uthaimin, Syekh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin (2015). *Panduan Zakat Dalam Islam*. Penerbitan Seribu Dinar Sdn Bhd : Kuala Lumpur.
- Aliuddin Za'tari (2010). *Tatbiqat Mu'asarah Fi Masarif Al- Zakat*. Kertas kerja diakses daripada <http://www.alzatari.netresearch/1003/html>.
- Ariff Salleh (2013). *Garis Panduan Pengurusan Zakat Asnaf Riqab dan Gharimin : Satu Analisis Kontemporari*. Laporan Penyelidikan Isu Kefatwaan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysi
- Azman Bin Abd Rahman, Arief Salleh Bin Rosman, Ahmad Wifaq Bin Mokhtar, Mohd Nasir Bin Abdul Majid, Ahamad Najaa' Bin Mokhtar (2014). *Kedudukan Ar- Riqab Sebagai Penerima Zakat Dalam Konteks Pada Masa Kini : Kajian Di Majlis Agama Islam Selangor*, Majlis Agama Islam Selangor dan Universiti Sains Islam Malaysia.
- Chua Yan Piaw (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Edisi Ketiga*. Selangor : McGraw-Hill Education (Malaysia).
- Cresswell, J.M and Clark, V.1.P (2007). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks, CA : Sage Publication.
- Che Mat, Che Bakar (2004) *Hak Asasi Manusia Dalam Sistem Nilai Pasca Modenism*. Pembentangan kertas kerja di Srminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenism (SIVIC 2004), 4-6 september 2004, Hotel City Bayview Langkawi.

- Hayyun Nawawi (2007). *Pengagihan Harta Zakat Bagi Membebaskan Ar-Riqab: Satu Kajian Pemerluasan*. Projek Kajian Institut Kajian Zakat Malaysia. Universiti Teknologi Mara.
- Izatul Akmar Ismail & Muhammad Nasri Hussain (2017). *Productive Zakat Distribution by Zakat Institutions in Malaysia*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences. Vol. 7, No 3.
- Muhammad Rashed Riddha (1990). *Tafsir al-Manar*. Jilid 10. Kaheerah : al-Hai'ah al- Misriyah al- Ammah lilkitab.
- Nurul Ilyana Binti MuhdAdnan (2015). *Mikro Kredit Daripada Dana Zakat Di Baitulmal Aceh dan Potensi Pelaksanaanya di Institusi-Institusi Zakat Di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Sarirah Che Rose & Mumtaj Hassan (2004). *Akta Kanak- Kanak 2001: Perlindungan Kepada Pesalah Kanak-Kanak*. Kertas kerja dibentangkan di Simposium Kebangsaan Kanak-Kanak 2004, Pulau Pinang.
- Shamsiah Abdul Rahman (2004). *Jenayah Juvenil : Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Kertas kerja di bentangkan di Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Juvana. IKIM.
- Syeikh Mahmoud Shaltut (2004). *Al- Fatawa Dirasah Li Musykilatil Muslim al- Muasir Fi Hayatiana al- Yaumiyah al- Ammah*. Kaheerah Mesir : Maktabah Iskandariah, Dar al- Syuruq.
- Yusuf Othman, & Wan Nazjmi Mohamed Fisol (2017). *Islamic Religiosity, Attitude and Moral Obligation on Intention of Zakat Compliance : Evidence from Public Educators in Kedah*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences. Vol. 7, No 2.